

Unjuran Ekonomi Malaysia, 2016

oleh Dr Zulkipli Omar

Fello Penyelidik Kanan

Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)¹

Ekonomi dunia dijangka tumbuh pada kadar 3.2% pada tahun ini mengikut unjuran Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF). Kadar ini merupakan sedikit peningkatan berbanding dengan pertumbuhan tahun lepas pada kadar 3.1%. IMF mengunjurkan perdagangan dunia yang lebih baik pada tahun ini pada kadar 3.1% setahun berbanding dengan 2.9% pada tahun 2015.

Harga minyak petroleum mentah dunia dijangka masih berada di paras yang rendah di bawah 50 dolar Amerika setong. Krisis kejatuhan harga minyak yang bermula di pertengahan tahun 2014 merupakan faktor utama menyumbang kepada kelembapan ekonomi dunia. Kesan kejatuhan ini merupakan satu kejutan dan ianya mempengaruhi aliran perdagangan dan modal dunia. Namun demikian, kebanyakan ekonomi telah membuat pengubahsuaian yang perlu untuk menangani kesan kejatuhan harga minyak tersebut. Alasan utamanya adalah kerana ramai berpandangan bahawa harga minyak akan berada pada paras harga sekarang untuk jangka masa panjang.

Semasa berlaku kejatuhan harga minyak, ianya dianggap sebagai satu kejutan. Semua aktiviti ekonomi sebelum krisis kejatuhan harga minyak adalah berdasarkan harga yang tinggi tetapi agak stabil. Setelah harga telah stabil pada paras yang lebih rendah untuk jangka masa yang agak lama, ianya dianggap satu kebiasaan dan tiada lagi kejutan. Ianya diterima sebagai suatu kebiasaan dan segala pengubahsuaian yang perlu telah dilakukan. Maka keadaan ekonomi juga turut menjadi lebih stabil.

Dengan pertumbuhan perdagangan dunia yang semakin meningkat, bermakna permintaan luar untuk Malaysia juga dijangka meningkat. Ini akan memberi sumbangan yang positif terhadap pertumbuhan pendapatan negara yang biasa diukur dengan keluaran dalam negara kasar (KDNK). Pada tahun lepas eksport bersih barangan dan

¹ Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

perkhidmatan mengalami penguncupan sebanyak 3.7%, walaupun Malaysia masih merekodkan lebih dagangan. Ini memberi kesan terhadap sumbangan kepada KDNK. Pada tahun ini MIER mengunjurkan eksport bersih barangan dan perkhidmatan akan berkembang pada kadar 1.2% setahun.

Namun demikian, pertumbuhan ekonomi Malaysia masih dipacu oleh permintaan domestik. Permintaan domestik terdiri dari penggunaan dan pelaburan. Kedua-dua penggunaan dan pelaburan pula terdiri dari swasta atau awam (kerajaan). Aktiviti penggunaan dan pelaburan boleh digalakkan melalui sama ada dasar kewangan atau dasar fiskal, atau kedua-duanya.

Dasar fiskal melibatkan cukai atau subsidi atau lain-lain bentuk pemindahan pendapatan. Untuk menggalakkan penggunaan swasta, dasar fiskal berkembang digunakan untuk menambahkan pendapatan boleh guna pengguna. Begitu juga untuk pelaburan, dasar fiskal akan memberi pelepasan cukai kepada peniaga umpamanya untuk menggalakkan pelaburan.

Dasar kewangan pula melibatkan apa yang dipanggil kecairan di dalam ekonomi. Secara mudahnya kecairan ini merupakan kemudahan untuk peniaga dan pengguna untuk melabur dan berbelanja. Bank Negara mempunyai pelbagai kaedah untuk mengawal kecairan di dalam ekonomi. Kecairan yang terhad akan menyukarkan aktiviti pelaburan dan penggunaan. Manakala kecairan yang berlebihan akan menyebabkan inflasi. Justeru Bank Negara akan mengimbangi kecairan di dalam ekonomi pada paras yang sihat.

Pada tahun ini Bank Negara dijangka akan menumpukan kepada pertumbuhan pelaburan swasta untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi. Pertumbuhan pelaburan akan memberi kesan jangka panjang kepada ekonomi kerana ia melibatkan pembinaan kapasiti pengeluaran. Ianya mampu menjana pekerjaan. Kesan akhirnya, peningkatan pelaburan ini di samping mempunyai kesan pengganda yang tinggi di dalam ekonomi melalui peningkatan peluang pekerjaan, juga turut meningkatkan keupayaan negara untuk mengeksport.

Peningkatan penggunaan swasta juga perlu untuk menjaga pertumbuhan ekonomi. Jika tidak aktiviti pengeluaran tidak akan berkembang. Namun, menggalakkan penggunaan swasta berlebihan menggunakan dasar kewangan mempunyai kesan sampingan yang kurang sihat, iaitu peningkatan hutang isi rumah. Contoh kemudahan kecairan untuk pengguna adalah kemudahan kredit, seperti kad kredit, pinjaman jual beli dan lain-lain bentuk pinjaman.

Dasar kewangan Bank Negara pada tahun ini dijangka lebih ketat, bermakna pengurangan kecairan di dalam ekonomi. Jadi berdasarkan kepada senario di atas, maka Bank Negara dijangka menguruskan kecairan dengan memberi keutamaan kepada aktiviti komersial. Manakala kemudahan untuk pengguna dijangka lebih selektif supaya peningkatan hutang isi rumah lebih terkawal.

Dalam pada itu, ringgit dijangka akan lebih stabil dan dilihat mula bertumpu dengan lain-lain mata wang, seperti dolar Singapura, baht Thailand, yuan China dan yen Jepun. Kesemua mata wang tersebut seperti ringgit mengalami kejatuhan berbanding dengan dolar Amerika, bermula pada bulan Ogos 2014. Kejatuhan ini adalah disebabkan oleh kekuatan dolar Amerika. Kesemua mata wang tersebut dan ringgit bergerak secara selari.

Permintaan untuk wang dikaitkan dengan tiga motif, iaitu transaksi, spekulatif dan penyimpanan nilai. Sebarang kejutan di dalam ekonomi biasanya akan mempengaruhi penggunaan wang untuk motif spekulasi, kerana kejutan akan mempengaruhi sentimen. Kejatuhan kesemua mata wang tersebut secara serentak dan selari berbanding dolar Amerika ini adalah kerana tiada elemen kejutan yang berbeza antara ekonomi terbabit.

Namun mulai bulan Ogos 2015, ringgit terus menurun berbanding dengan dolar Amerika, tetapi lain-lain mata wang tersebut di atas telah stabil. Bermakna ringgit tidak bergerak selari lagi dengan keempat-empat mata wang tersebut. Keadaan ini dijangka berlaku kerana ada kejutan yang hanya spesifik untuk Malaysia, walau apa pun kejutan tersebut. Kejutan ini seterusnya mempengaruhi sentimen umum tanpa mengira sama ada kejutan tersebut benar atau tidak. Para spekulator mata wang akan membuat keputusan sewajarnya berdasarkan sentimen dan persepsi mereka. Di dalam hal ini permintaan untuk ringgit adalah lebih berkaitan dengan motif spekulasi.

Walau bagaimanapun, ringgit telah semakin kukuh bermula dari awal tahun ini. Ini bermakna elemen spekulatif telah kembali normal dan nilai ringgit kembali ditentukan oleh asas yang lebih kukuh. Di dalam masa tiga bulan pertama tahun ini nilai ringgit telah meningkat sebanyak 9.4% berbanding dolar Amerika. Peningkatan ini adalah melebihi peningkatan keempat-empat mata wang tersebut, yang turut mengalami kenaikan berbanding dengan dolar Amerika. Pada masa yang sama nilai rizab antarabangsa Bank Negara telah meningkat ke 97.0 bilion dolar Amerika pada 31 Mac 2016.

Berdasarkan senario di atas, MIER mengunjurkan bahawa ekonomi Malaysia akan tumbuh pada kadar 4.2% pada tahun ini. Pertumbuhan ini adalah dipacu oleh permintaan domestik, terutamanya dari pelaburan swasta. MIER juga mengunjurkan bahawa ekonomi akan terus tumbuh dengan lebih tinggi pada tahun hadapan disebabkan permintaan luar dijangka terus meningkat kerana ekonomi global dijangka bertambah baik.

Jika dilihat dari sudut penawaran, pertumbuhan semua sektor adalah lebih rendah dari tahun lepas. Sektor yang dijangka mengalami pertumbuhan tertinggi adalah pembinaan, diikuti oleh sektor-sektor perkhidmatan, pembuatan, perlombongan dan pertanian mengikut turutan.

Sektor pembinaan dijangka tumbuh pada kadar 8.0 peratus pada tahun ini. Ini adalah baik terutama di dalam keadaan ekonomi yang agak sederhana kerana ianya melibatkan pembinaan kapasiti ekonomi. Sesetengah projek infrastruktur adalah penting untuk pertumbuhan ekonomi masa hadapan.

Sektor pembuatan terus tumbuh walaupun agak sederhana. Namun ianya dijangka mampu untuk memenuhi permintaan domestik dan antarabangsa. Manakala sektor perkhidmatan dijangka akan tumbuh lebih pesat berbanding dengan tahun lepas. Ini adalah selari dengan hasrat kerajaan untuk meningkatkan lagi sumbangan sektor ini mengambil kesempatan dengan kelebihan bandingan yang dimiliki.